

Laman Khaira sedia kemudahan khas warga emas

[FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]



Muhammad Sharip (empat dari kanan) memotong kek sambil diperhatikan Intan Shafinaz (tujuh dari kiri) pada majlis pelancaran Laman Khaira, di Putrajaya, semalam.

Putrajaya: Pusat Penjagaan dan Pendidikan Islam Dewasa, Laman Khaira menawarkan pelbagai kemudahan khas bagi warga emas yang mahu menjalani kehidupan dengan lebih baik.

Pengarah Urusan Laman Khaira, Datin Intan Shafinaz Redzuan Ranjit, berkata pusat penjagaan di Presint 16, di sini menyediakan ruang khas kepada golongan berkenaan untuk menikmati kehidupan berkualiti bersama rakan seusia mereka.

"Laman Khaira dibangunkan berdasarkan kajian daripada beberapa pakar di Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga, Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi memberi keselesaan kepada penghuninya.

"Setiap susun atur dan modul di pusat jagaan ini merujuk kepada kajian oleh pakar berkenaan, sekali gus membezakan Laman Khaira dengan pusat jagaan warga emas yang lain," katanya.

Beliau ditemui pada Majlis Pelancaran Pusat Penjagaan dan Pendidikan Islam Dewasa, Laman Khaira di sini semalam yang disempurnakan oleh Undang Luak Rembau, Datuk Muhammad Sharip Othman.

Intan Shafinaz berkata, pihaknya menyediakan kelas agama de-

ngan kaedah pembelajaran yang direka khas untuk mengekalkan kefahaman penghuni berkenaan.

"Antaranya, kelas pengajian al-Quran yang merangkumi subjek tajwid, tasmik, talaqi dan taranum yang dipimpin oleh Ustazah Faizah Mohd Hussain iaitu Johan Tilawah Antarabangsa 2005.

Kelas agama diiktiraf JAIS

"Malah, setiap kelas agama turut diiktiraf oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)," katanya.

Beliau berkata, pihaknya juga menyediakan pelbagai aktiviti sampingan seperti bercucuk tanam serta kelas memasak.

"Penghuni juga akan dihidangkan dengan pelbagai jenis menu makan yang berkhasiat enam kali sehari, selain pemantauan 24 jam daripada kakitangan di sini.

"Bagaimanapun, tempat adalah terhad kepada 24 penghuni sahaja dan hanya dibuka kepada golongan wanita untuk menjaga keselesaan kepada penghuni.

"Orang ramai boleh menghubungi talian 011-26245662 atau melayari laman web www.lamankhaira.com.my," katanya.